

FENOMENA GERHANA DALAM HADIS: KAJIAN TAKHRIJ AL-HADĪTH DAN MITOS MASYARAKAT

The Phenomenon of Eclipse in Hadith: A Study of Takhrij Al-Hadīth and Societal Myths

¹Ahmad Huzaifah Seri Buana @ Shahril

²Ammar Firdaus Zainal Abidin

³Muhammad Zulkifli Nor Azib

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, huzaifaha31@raudah.usim.edu.my

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, ammarf121@raudah.usim.edu.my

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, mzulkiflina@usim.edu.my

*(Corresponding author) e-mail: huzaifaha31@raudah.usim.edu.my

ABSTRAK

Fenomena gerhana merupakan tanda kebesaran Allah SWT yang disebut dalam al-Quran dan hadis. Peristiwa ini dikaitkan dengan pensyariatian solat *kusūf* dan *khusūf*, sebagai peringatan agar manusia kembali kepada Allah SWT. Namun, dalam masyarakat masa kini, terdapat trend penyebaran maklumat yang meluas melalui media sosial, khususnya menerusi video-video *TikTok* yang tular menceritakan berkenaan hadis-hadis fenomena gerhana. Hal ini menimbulkan cabaran apabila wujud penyebaran hadis *da'if* dan *mawdū'*, di samping mitos yang diwarisi turun-temurun yang dikongsikan secara tidak terkawal. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan kerana bercampur antara

riwayat sahih dengan kepercayaan budaya dalam ruang digital. Kajian ini dijalankan untuk menilai tiga hadis berkaitan gerhana yang sering dibangkitkan dalam kandungan media sosial tersebut melalui kaedah *takhrīj al-hadīth*, serta meneliti mitos yang berkembang dalam masyarakat. Kajian menggunakan metodologi kepustakaan dengan merujuk kepada kitab hadis primer, kitab *rijāl*, karya ulama klasik dan penulisan kontemporari. Kaedah *dirāsah al-asānīd* digunakan bagi menilai sanad dan matan hadis, manakala analisis kandungan dilakukan terhadap riwayat lemah dan palsu yang sering tular. Hasil kajian mendapati bahawa hadis sahih menegaskan gerhana sebagai tanda kebesaran Allah SWT yang menggalakkan doa, istighfar dan solat. Hadis lemah dan palsu pula telah dikenal pasti kelemahannya serta ditolak oleh para ulama. Kajian turut mendapati mitos masih dipercayai dan terus tersebar di platform digital, walaupun sains moden telah menjelaskan hakikat sebenar fenomena ini. Kesimpulannya, kajian ini menekankan kepentingan memahami gerhana berasaskan al-Quran, sunnah dan sains, agar masyarakat terhindar daripada khurafat di media sosial. Kajian ini menyumbang kepada bidang *takhrīj al-hadīth* dengan menghimpunkan perbincangan tentang gerhana serta menjelaskan kaitannya dengan budaya dan persepsi masyarakat Islam dalam era teknologi maklumat.

Kata Kunci: Gerhana; *takhrīj al-Hadīth*; mitos masyarakat; *Kusūf* dan *Khusūf*; TikTok

ABSTRACT

The phenomenon of an eclipse is a sign of the greatness of Allah SWT as mentioned in the Quran and Hadith. This event is associated with the prescription of kusūf and khusūf prayers, serving as a reminder for humanity to return to Allah SWT. However, in today's society, there is a widespread trend of information dissemination through social media, specifically via viral *TikTok* videos discussing hadiths related to eclipse phenomena. This has led to challenges such as the spread of da'if (weak) and mawdū' (fabricated) hadiths, alongside inherited myths shared uncontrollably. Such circumstances cause confusion as authentic narrations become intertwined with cultural beliefs within the digital space. This study was conducted to evaluate three hadiths related to eclipses frequently raised in these social media contents through the method of takhrīj al-hadīth, as well as to examine the myths flourishing in society. The study employs a library research methodology by referring to primary hadith texts, books of rijāl, works of classical scholars, and contemporary writings. The dirāsah al-asānīd method is used to evaluate the chain of narrators (sanad) and the text (matn) of the hadiths, while content analysis is performed on the weak and fabricated narrations that often go viral. The findings indicate that authentic hadiths emphasize the eclipse as a sign of Allah SWT's greatness that encourages prayer, seeking forgiveness (istighfar), and supplication. Conversely, weak and fabricated hadiths have been identified for their flaws and rejected by scholars. The study also finds that myths continue to be believed and propagated on digital platforms, despite modern science explaining the true nature of the phenomenon. In conclusion, this study emphasizes the importance of understanding eclipses based on the

Quran, Sunnah, and science to protect society from superstitions on social media. This research contributes to the field of *takhrīj al-hadīth* by consolidating discussions on eclipses and clarifying their connection with the culture and perceptions of the Muslim community in the information technology era.

Keywords: Eclipse; *takhrīj al-Ḥadīth*; societal myths; *kusūf* and *khusūf*; TikTok

PENDAHULUAN

Fenomena gerhana merupakan satu petunjuk kebesaran Allah SWT yang menjadi pentadbir alam dan berkuasa menjadikan setiap pergerakan jasad-jasad samawi di alam semesta bergerak dalam orbitnya yang tersendiri. Fenomena gerhana melibatkan pergerakan matahari, bulan dan bumi yang berada dalam satu kedudukan yang lurus. Fenomena gerhana matahari berlaku apabila kedudukan bulan berada di tengah antara bumi dan matahari yang menyebabkan cahaya matahari ghaib buat seketika manakala gerhana bulan terjadi apabila kedudukan bulan berada di dalam kawasan bayang-bayang bumi atau lebih dikenali sebagai *Umbra* menyebabkan bumi menghalang cahaya matahari keatas bulan dan terbentuknya warna kemerahan keatas permukaan bulan kesan daripada refleks cahaya di atmosfera bumi.

Fenomena gerhana seperti gerhana bulan dan matahari dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran dan hadis-hadis Nabawi. Antaranya:

وَحَسَفَ الْقَمَرُ

Maksudnya: Dan bulan hilang cahayanya

(Surah al-Qiyāmah 75:8)

Merujuk kepada tafsir ayat tersebut, cahaya bulan yang hilang ketika berlaku gerhana bersifat sementara, kerana cahaya bulan akan terpancar semula selepas fasa gerhana tamat sementara apabila tibanya hari kiamat,

cahaya bulan dan matahari akan hilang dan tidak akan kembali.¹ Peristiwa gerhana juga banyak direkodkan dalam kitab-kitab hadis yang masyhur seperti terdapat dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, hadis diriwayatkan oleh Abī Bakrah RA, Rasūl Allāh SAW bersabda:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ، لَا يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ،
وَلَكِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُخَوِّفُ بِمَا عِبَادُهُ.

*Maksudnya: Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda daripada tanda-tanda kebesaran Allah. Kedua-duanya tidak mengalami gerhana kerana kematian seseorang, tetapi Allah Ta'ala menakutkan hamba-hambanya dengannya.*²

(Riwayat Bukhārī)

TOPIK UTAMA

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kepustakaan dengan merujuk kepada kitab-kitab hadis primer, karya ulama klasik, serta penulisan kontemporari berbentuk buku, jurnal, dan artikel akademik. Fokus utama kajian ini adalah meneliti hadis-hadis berkaitan fenomena gerhana sebagaimana yang diriwayatkan dalam sumber-sumber muktabar. Bagi tujuan tersebut, kaedah *takhrīj al-hadīth* digunakan bagi mengesan sumber asal riwayat, mengenal pasti perawi, serta menilai tahap kesahihan hadis berdasarkan disiplin *dirāsah al-asānīd*. Kitab-kitab biografi perawi hadis seperti Kutub al-rijāl dan karya 'ilal al-ḥadīth turut dijadikan rujukan utama bagi menilai kedudukan sanad serta matan.

Selain itu, kajian ini turut mengaplikasikan kaedah pemerhatian secara atas talian terhadap video-video di platform *TikTok* untuk

¹ Muḥammad 'Alī Ṭāḥā al-Durra, *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm wa I'rābuhu wa Bayānuhu*, (Damsyik: Dar Ibn Kathir, 2009), 10: 312.

² Abū 'Abd Allāh, Muḥammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh, 1894), Hadis no. 1038, 2: 36.

mengenal pasti hadis-hadis yang sering ditularkan oleh masyarakat dalam mendepani fenomena gerhana. Melalui skop digital ini, kajian meneliti hadis-hadis yang lemah (*da'if*) dan palsu (*mawdu'*) yang tersebar luas, dengan tujuan menolak penyebaran riwayat yang tidak sahih dalam ruang siber.

Di samping analisis teks hadis, kajian ini menggunakan pendekatan perbandingan dengan kajian moden tentang mitos gerhana dalam pelbagai budaya dan masyarakat, termasuk konteks di dunia Islam dan Nusantara. Hal ini bertujuan mengenal pasti bentuk mitos yang wujud, faktor ia tersebar melalui media sosial, serta implikasinya terhadap kefahaman masyarakat Islam masa kini. Dengan pendekatan ini, kajian diharap dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai kedudukan hadis-hadis sahih berkaitan fenomena gerhana, peranan ulama dalam menapis riwayat yang tidak sahih, serta hubungan antara teks hadis dengan persepsi dan amalan masyarakat dalam era teknologi maklumat.

Konsep Gerhana Matahari dan Bulan

Allah SWT mencipta bumi, matahari, bulan dan seluruh alam semesta sebagai tanda kekuasaannya. Fenomena gerhana juga merupakan satu daripada tanda-tanda kebesaran Allah SWT untuk kita mengambil iktibar dan mengagumi penciptaan-Nya. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Anbiyā':

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ فِي فَلَكٍ
يَسْبَحُونَ

Maksudnya: Dan Dia lah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan; tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas).

(Surah al-Anbiyā' 21:33)

Fenomena gerhana adalah satu perkara lazim dalam ilmu falak dan ianya adalah satu peristiwa yang jarang dapat dilihat. Fenomena gerhana bulan

penuh dapat dilihat di langit Malaysia pada 8 September 2025, dengan fenomena gerhana bulan penuh seterusnya akan dapat dilihat di langit Malaysia pada 3 Mac 2026.³

Dalam istilah bahasa Arab, gerhana merujuk kepada *kusūf* ataupun *khusūf*, seperti yang didapati dalam hadis-hadis. Menurut Ibn Manzhūr, istilah *kusūf* dan *khusūf* membawa makna yang sama iaitu cahaya yang hilang dan menjadi gelap.⁴ Penggunaan istilah *kusūf* dan *khusūf* adalah umum pada awalnya kerana merujuk kepada hadis Nabi:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَا يَنْخَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ

Maksudnya: Sesungguhnya matahari dan bulan tidak mengalami gerhana kerana kematian atau kelahiran seseorang.⁵

(Riwayat an-Nasā'ī)

Namun sebahagian para alim daripada bidang bahasa Arab dan fiqh membezakan istilah *kusūf* dan *khusūf* seperti al-Farra' mengkategorikan *kusūf* untuk gerhana matahari manakala *khusūf* untuk gerhana bulan.⁶ Para imam fuqaha' seperti Dr. Wahbah bin al-Zuhaylī juga telah membezakan istilah *kusūf* untuk gerhana matahari dan *khusūf* untuk gerhana bulan di dalam kitabnya.⁷

Nabi Muhammad SAW mengajar umat Islam untuk mengamalkan sunnah ketika berlaku fenomena gerhana seperti menunaikan solat sunat gerhana, memperbanyakkan zikrullah, berdoa dan beristighfar. Sirah Nabi Muhammad SAW tidak terlepas dalam

³ Total Lunar Eclipse on 3 Mar 2026: Map & Times, Time and Date AS, <https://www.timeanddate.com/eclipse/map/2026-march-3>

⁴ Muhammad bin Mukarram bin 'Alī, Abu al-Faḍl Jamāl al-Dīn Ibn Manẓūr al-Anṣārī, *Lisān al-'Arab*. (Beirut: Dār Ṣādir, 1993), 9: 298.

⁵ Abū 'Abd ar-Rahmān Aḥmad bin Shu'ayb an-Nasā'ī, *As-Sunan al-Kubrā*, (Beirut: Mu'assasah ar-Risālah, 2017), Hadis no. 11408, 10: 248.

⁶ Muhammad bin Mukarram bin 'Alī, Abu al-Faḍl Jamāl al-Dīn Ibn Manẓūr al-Anṣārī, *Lisān al-'Arab*. (Beirut: Dār Ṣādir, 1993), 9: 298.

⁷ al-'Allāmah Prof. Dr. Wahbah bin Muṣṭafā al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, (Damsyik: Dār al-Fikr), 2: 1421.

merekodkan fenomena ketika zaman Baginda SAW, seperti yang didapati dalam hadis daripada Abī Musā RA:

حَسَفَتِ الشَّمْسُ فِي زَمَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَامَ فَرَعًا
يَخْشَى أَنْ تَكُونَ السَّاعَةُ. حَتَّى أَتَى الْمَسْجِدَ، فَقَامَ يُصَلِّي بِأَطْوَلِ
قِيَامٍ وَرُكُوعٍ وَسُجُودٍ، مَا رَأَيْتُهُ يَفْعَلُهُ فِي صَلَاةٍ قَطُّ، ثُمَّ قَالَ: إِنَّ هَذِهِ
الْآيَاتُ الَّتِي يُرْسِلُ اللَّهُ، لَا تَكُونُ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، وَلَكِنَّ اللَّهَ
يُرْسِلُهَا يُخَوِّفُ بِهَا عِبَادَهُ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ مِنْهَا شَيْئًا، فَأَفْرَعُوا إِلَى ذِكْرِ
وَدُعَائِهِ وَاسْتِعْفَارِهِ».

Maksudnya: Telah berlaku gerhana matahari pada zaman Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam. Lalu baginda bangun dalam keadaan takut akan berlakunya hari Kiamat sehingga baginda tiba di masjid. Lalu baginda mendirikan solat yang paling panjang berdirinya, ruku'nya dan sujudnya yang pernah aku lihat Baginda lakukan di dalam solat. Kemudian Baginda berkata: Sesungguhnya ini adalah tanda-tanda yang Allah hantar. Ia tidaklah berlaku kerana kematian atau kehidupan seseorang. Akan tetapi Allah menghantarnya untuk menimbulkan rasa takut pada hambaNya. Apabila kalian lihat ia berlaku, segeralah mencari perlindungan dengan mengingati Allah, berdoa kepadaNya dan memohon keampunanNya.⁸

(Riwayat Muslim)

Menurut al-Imām al-Nawawī dalam syarahnya terhadap hadis berkaitan gerhana, fenomena tersebut tidak tergolong sebagai tanda bakal berlakunya Hari Kiamat. Hal ini kerana tanda-tanda besar kiamat telah pun dijelaskan secara terperinci dalam hadis-hadis sahih yang lain, seperti terbitnya matahari dari arah barat, kemunculan *al-Dābbah*, serta keluarnya *al-Dajjāl*.

⁸ Abū al-Ḥusayn Muslim bin Al-Hajjāj bin Muslim Al-Qushayrī Al-Nisāburī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, (Türkiye: Dār al-Ṭibā'ah al-ʿĀmirah, 1916), Hadis no. 912, 3/ 35.

Walau bagaimanapun, tindakan Rasulullah SAW yang segera bangkit dalam keadaan cemas dan menunaikan solat dengan bacaan serta rukuk yang panjang menunjukkan keprihatinan Baginda SAW terhadap kemungkinan gerhana itu merupakan bentuk hukuman daripada Allah SWT. Keadaan ini menyerupai reaksi Baginda SAW ketika berlakunya tiupan angin kencang, di mana jelas tergambar pada wajah Baginda SAW rasa tidak senang terhadap potensi azab yang mungkin tersembunyi di sebalik fenomena tersebut.⁹

Takhrij Al-Hadīth berkaitan Fenomena Gerhana

Hadis-hadis yang diragui status kesahihannya dan tersebar dalam kalangan masyarakat sangat membimbangkan, terutamanya di Malaysia. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terhadap trend penyebaran maklumat di media sosial, didapati bahawa platform *TikTok* menjadi antara medium utama yang menyebarkan kandungan video berkaitan hadis-hadis fenomena gerhana.

Hasil tinjauan mendapati terdapat pelbagai riwayat yang dipetik secara meluas dalam kandungan digital tersebut sehingga mencetuskan kekeliruan dalam kalangan pengguna. Bagi tujuan penulisan ini, fokus kajian adalah kepada tiga hadis yang paling kerap tular dan tersebar di *TikTok* untuk dianalisis tahap kesahihannya.

Antaranya adalah:

a) Hadis yang diriwayatkan daripada Anas RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ إِذَا رَأَى أَحَدُهُمَا مِنْ عَظَمَةِ اللَّهِ تَعَالَى شَيْئًا حَادٍ
عَنْ مَجْرَاهُ فَاَنْكَسَفَ

⁹ Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*, (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabī, 1392), 6: 216.

Maksudnya: Sesungguhnya matahari dan bulan apabila salah satunya melihat satu perkara dari keagungan Allah, ia akan melencong daripada laluan nya dan berlakukah gerhana.

(Riwayat Ibn al-Muḥibb al-Ṣāmit)

Hadis dengan lafaz tersebut diriwayatkan oleh Ibn al-Muḥibb al-Ṣāmit dalam kitabnya *Ṣifāt Rabb al-‘Ālamīn*¹⁰, juga dinyatakan didalam *Jami’ al-Saghir* oleh al-Suyuthi.¹¹ Ibn al-Muḥibb al-Ṣāmit meriwayatkan hadis ini dengan dua jalur, iaitu melalui jalur Abū Hurairah RA dan jalur Anas bin Malik RA.¹²

Pengkaji bernama Ṣaqr Ibn Ḥasan al-Ghāmīdī menilai hadis daripada jalur Anas bin Malik RA sebagai *dhaif jiddan* (sangat lemah) kerana terdapat perawi bernama Yazīd ibn Abān al-Raqāshī di dalam sanad hadis. Ibn Ḥajar juga menilai Yazīd ibn Abān al-Raqāshī adalah seorang perawi yang lemah.¹³ Manakala Ṣaqr ibn Ḥasan al-Ghāmīdī menilai hadis daripada jalur Abū Hurairah RA sebagai lemah, kerana Abū al-Mahzam adalah perawi matrūk.

al-Ghumārī didalam kitabnya *al-Mughīr ‘alā al-Aḥādīth al-Mawḍū‘ah fī al-Jāmi’ al-Saghir* menilai hadis ini sebagai *mawḍū’*.¹⁴ Al-Albānī juga menilai hadis ini sebagai *mawḍū’* (palsu) dan direkodkan dalam kitabnya *Ḍa‘īf al-Jāmi’ al-Saghir*.¹⁵

¹⁰ Kitab *Ṣifāt Rabb al-‘Ālamīn* karya Ibn al-Muḥibb al-Ṣāmit merupakan sumber asal dan telah diriwayatkan dengan sanad yang lengkap.

¹¹ ‘Abd al-Raḥmān ibn Abī Bakr, Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *al-Faṭḥ al-Kabīr fī Ḍamm al-Ziyādah ilā al-Jāmi’ al-Saghir*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2012), Hadis no. 3103, 1: 285.

¹² Shams al-Dīn Ibn al-Muḥibb al-Ṣāmit, *Ṣifāt Rabb al-‘Ālamīn*, *Al-Taḥqīq Ṣaqr ibn Ḥasan al-Ghāmīdī* (Makkah al-Mukarramah: Fakulti Uṣūl al-Dīn, Universiti Umm al-Qurā, 2014), Hadis no. 200, 201, 1: 473.

¹³ Abū al-Faḍl Aḥmad ibn ‘Alī ibn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, (Syria: Dār al-Rashīd, 1986), 599.

¹⁴ Aḥmad bin Al-Ṣiddīq al-Ghumārī, *Al-Mughīr ‘Alā al-Aḥādīth al-Mawḍū‘ah Fī al-Jāmi’ al-Saghir*, (Maktabah al-Qahirah) Hadis no. 99, 22.

¹⁵ Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī, *Ḍa‘īf al-Jāmi’ al-Saghir*, (al-Maktab al-Islāmī), 212.

b) Hadis yang diriwayatkan daripada Muḥammad bin Alī RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ لَمْهَدِيَّتَنَا آيَتَيْنِ لَمْ تَكُونَا مُنْذُ خَلَقَ اللَّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ،
يَنْخَسِفُ الْقَمَرُ لِأَوَّلِ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ، وَتَنْكَسِفُ الشَّمْسُ فِي
النِّصْفِ مِنْهُ، وَلَمْ تَكُونَا مُنْذُ خَلَقَ اللَّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ.

Maksudnya: Sesungguhnya bagi Mahdi ada dua tanda yang tidak pernah berlaku sejak Allah menciptakan langit dan bumi; Gerhana bulan akan berlaku pada malam pertama bulan Ramadan, dan gerhana matahari pada pertengahan bulan itu. Kedua-dua tanda ini tidak pernah berlaku sejak Allah menciptakan langit dan bumi.

(Riwayat al-Dāraqūṭnī)

Hadis dengan lafaz ini diriwayatkan oleh al-Dāraqūṭnī dalam Sunan al-Dāraqūṭnī melalui jalur ‘Amr bin Shimr daripada Muḥammad bin ‘Alī.¹⁶ Berdasarkan penilaian ulama dalam Lisān Al-Mīzān, status riwayat ini sangat lemah kerana keberadaan ‘Amr bin Shimr dalam sanadnya. Al-Jawzajānī menegaskan bahawa beliau sebagai seorang pendusta, manakala Ibn Hibbān menegaskan beliau seorang *Rafidi* yang mencela para sahabat serta sering meriwayatkan hadis-hadis palsu (*mawḍū‘*) daripada perawi yang *thiqah*. Imam al-Bukhārī pula menilai beliau sebagai *munkar al-ḥadīth*, manakala Yaḥyā bin Ma‘īn berpendapat hadisnya tidak ditulis.

Ibn Abī Ḥātim melaporkan daripada bapanya bahawa ‘Amr bin Shimr adalah perawi yang *munkar al-ḥadīth*, terlalu lemah, dan telah ditinggalkan (*matruk*) oleh para ulama. Abū Zur‘ah turut mengesahkan beliau sebagai *da‘if al-ḥadīth*. Selain itu, Imam Al-Nasā‘ī dalam kitab Al-Ḍu‘afā’ Wa Al-Matrūkūn menyatakan beliau perawi yang ditinggalkan. Ibn Sa‘d menambah bahawa walaupun beliau banyak

¹⁶ al-Dāraqūṭnī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Umar, *Sunan al-Dāraqūṭnī*, (Beirut: Mu’assasat al-Risālah), Hadis no. 1795, 2: 419.

meriwayatkan hadis, kedudukannya sangat lemah dan ditinggalkan. Abū Aḥmad Al-Ḥākim menyatakan beliau tidak kuat di sisi ulama hadis.¹⁷

c) Hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Mālik RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا انْكَسَفَ فِي الْمَحَرَّمِ كَانَتْ تِلْكَ السَّنَةُ الْبَلَاءُ وَالْفِتَالُ وَشُغْلُ
السُّلْطَانِ وَفِتْنَةُ الْكُفْرَاءِ وَانْتِشَارُ مِنَ الضُّعْفَاءِ، وَإِذَا انْكَسَفَ فِي صَفَرٍ
كَانَ نَقْصٌ مِنَ الْأَمْطَارِ حَتَّى يَظْهَرَ النُّقْصَانُ فِي الْبَحْرِ وَهُوَ الْعَايَةُ
مِنْ نَقْصِ الْأَمْطَارِ وَالْفُحُوطِ، وَإِذَا انْكَسَفَ فِي رَبِيعِ الْأَوَّلِ كَانَ
مَجَاعَةٌ وَمَوْتُ مَعَ أَمْطَارٍ وَحَرْبٍ وَتَحْرُكُ مُلْكٍ يَمُوتُ كَثِيرٌ، وَإِذَا
انْكَسَفَ فِي جُمَادَى الْأُولَى كَانَ بَرْدٌ وَتُلُوجٌ وَأَمْطَارٌ مَعَ مَوْتِ دُرَيْعٍ
وَهُوَ الطَّاعُونُ، وَإِذَا انْكَسَفَ فِي جُمَادَى الْآخِرَةِ فَهُوَ زَرْعٌ كَثِيرٌ
وَحَصْبٌ وَسِعَةٌ مَعَ قِتَالٍ بَيْنَ النَّاسِ وَيَكُونُ حَرَادًا [جَرَادًا] وَالْأَسْعَارُ
تَزْدَادُ رُخْصًا وَكَسَادًا، وَإِذَا انْكَسَفَ فِي رَجَبٍ فَهُوَ أَمْطَارٌ وَسَمَكٌ
كَثِيرٌ.

Maksudnya: Jika berlaku gerhana pada bulan Muharram, maka tahun itu akan dipenuhi dengan bala, peperangan, kekacauan dalam urusan pemerintah, fitnah dalam kalangan pembesar, dan kebangkitan golongan yang lemah. Jika berlaku gerhana pada bulan Safar, akan berlaku kekurangan hujan sehingga kelihatan kesannya pada laut itulah kemuncak kekeringan dan kemarau. Jika berlaku gerhana pada bulan Rabi'ul Awwal, akan berlaku kebuluran dan kematian bersama hujan, peperangan, serta perubahan kuasa akibat kematian ramai orang.

¹⁷ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī, *Lisān al-Mizān*, (Beirut: Mu’assasat al-A‘lamī li al-Maṭbū‘āt), 4: 366.

Jika berlaku gerhana pada bulan Jumadā al-Ūlā, akan berlaku kesejukan, salji, dan hujan disertai kematian yang meluas iaitu wabak taun. Jika berlaku gerhana pada bulan Jumadā al-Ākhirah, akan berlaku hasil tanaman yang banyak, kesuburan dan kelapangan, tetapi disertai dengan peperangan sesama manusia, serangan belalang, dan harga barang menjadi murah serta berlaku kemelesetan. Jika berlaku gerhana pada bulan Rajab, maka ia menandakan turunnya hujan, dan ikan yang banyak.

(Riwayat Ibn al- Jawzī)

Hadis dengan lafaz tersebut diriwayatkan Ibn al-Jawzī dalam kitabnya *Al-Mawḍū‘āt*.¹⁸ Didapati hadis ini terdapat banyak rantaian perawi yang bermasalah pada penilaian *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl* seperti Hannād ibn Ibrāhīm al-Nasafī dan Wahb ibn Wahb yang dikenali sebagai perawi bermasalah, dan juga Ibn al-Jawzī memberi komen terhadap matan hadis ini tiada faedah untuk memanjangkannya kerana hadis ini tidak diragukan lagi adalah hadis *mawḍū‘*. Ibn al-Jawzī juga menyatakan bahawa perawi hadis ini iaitu Aḥmad bin ‘Abd Allāh al-Harawī terkenal dengan rekaan hadis dan meragukan riwayatnya.¹⁹

Menurut Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Hannād ibn Ibrāhīm al-Nasafī adalah seorang perawi yang banyak meriwayatkan hadis selepas tahun 450 Hijrah, namun beliau adalah perawi bagi hadis-hadis yang *mawḍū‘* dan *bala* (riwayat yang bermasalah).²⁰ Manakala para ulama’ *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl* seperti al-Dhahabī menilai Wahb ibn Wahb sebagai *Muttaham fī al-ḥadīth* (dituduh tidak dipercayai dalam periwayatan hadis).²¹

¹⁸ Jamāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān ibn ‘Alī ibn Muḥammad al-Jawzī, *Al-Mawḍū‘āt li-Ibn al-Jawzī*, (Al-Maktabah al-Salafiyyah bi-al-Madīnah al-Munawwarah), 1:140.

¹⁹ Jamāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān ibn ‘Alī ibn Muḥammad al-Jawzī, *Al-Mawḍū‘āt li-Ibn al-Jawzī*, (Al-Maktabah al-Salafiyyah bi-al-Madīnah al-Munawwarah), 1:141.

²⁰ ²⁰ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī, *Lisān al-Mīzān*, (Beirut: Mu’assasat al-‘Ilam li al-Maṭbū‘āt), 6:200.

²¹ al-Dhahabī, Shams al-Dīn al-Dhahabī, *Mīzān al-Itidāl*, (Beirut: Dār al-Ma‘rifah li-Ṭ-Ṭibā‘ah wa al-Nashr), 4:353.

Mitos Masyarakat berkenaan Fenomena Gerhana

Mitos berkenaan fenomena gerhana banyak tersebar di kalangan masyarakat bahkan pada zaman Rasūlullāh SAW, berlakunya mitos atau tuduhan yang mengatakan fenomena gerhana terjadi disebabkan kematian anak baginda Rasūl Allāh SAW iaitu Ibrahim dan kemudiannya Rasūl Allāh SAW menafikan mitos tersebut, sebagai mana hadis yang diriwayatkan oleh al-Mughīrah bin Syu'bah:

كَسَفَتِ الشَّمْسُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ مَاتَ إِبْرَاهِيمُ، فَقَالَ النَّاسُ: كَسَفَتِ الشَّمْسُ لِمَوْتِ إِبْرَاهِيمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَا يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ فَصَلُّوا وَادْعُوا اللَّهَ.

Maksudnya: “Matahari mengalami gerhana pada zaman Rasūlullāh SAW, iaitu pada hari kewafatan Ibrahim, putra Rasūlullāh SAW. Maka manusia pun berkata: ‘Matahari mengalami gerhana kerana kematian Ibrahim’. Lalu Rasūlullāh SAW bersabda: “Sesungguhnya matahari dan bulan tidak mengalami gerhana kerana kematian seseorang dan tidak pula kerana kehidupannya (kelahirannya). Apabila kalian melihat gerhana, maka hendaklah kalian menunaikan solat dan berdoa kepada Allah.”²²

(Riwayat Bukhārī)

Para ulama’ berpandangan bahawa hikmah daripada sabda tersebut adalah untuk menolak kepercayaan sebahagian masyarakat *Jāhiliyyah* yang mengagungkan matahari dan bulan. Hakikatnya, kedua-duanya merupakan makhluk Allah SWT yang menjadi tanda-tanda kebesaran-Nya tanpa memiliki sebarang keistimewaan yang menjadikan mereka layak disembah. Matahari dan bulan hakikatnya sama seperti makhluk lain yang bersifat dengan kekurangan serta mengalami perubahan bentuk. Dalam hal ini, sebahagian golongan sesat daripada kalangan ahli

²² Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismāīl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. (Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh). Hadis no. 1043, 2/ 34.

nujum beranggapan bahawa berlakunya gerhana hanya disebabkan oleh kematian tokoh besar atau faktor-faktor lain yang tidak berasaskan kebenaran.²³

Kajian moden menunjukkan bahawa mitos tentang gerhana masih wujud dalam banyak budaya di seluruh dunia, walaupun masyarakat kini sudah mendapat pendidikan sains. Hal ini membuktikan bahawa kepercayaan tersebut diwarisi secara turun-temurun dan sangat mendalam dalam budaya manusia. Antara mitos paling terkenal ialah kepercayaan bahawa ada makhluk langit yang “memakan” matahari atau bulan ketika gerhana berlaku. Di Indonesia, contohnya, ada cerita tentang Batara Kala, iaitu gergasi yang menelan matahari atau bulan, manakala masyarakat Pakistan dan Asia Selatan pula mempunyai kisah naga atau raksasa yang melakukan perkara yang sama.²⁴ Oleh sebab itu, sebahagian masyarakat melakukan ritual tertentu untuk menakutkan makhluk mitos tersebut.

Selain itu, ada juga kepercayaan bahawa gerhana berbahaya kepada wanita hamil dan anak dalam kandungan.²⁵ Akibatnya, terdapat pelbagai amalan yang dijadikan syarat atau larangan semasa gerhana, antaranya wanita hamil perlu berkurung di rumah, orang ramai dilarang makan atau minum ketika gerhana, diwajibkan mandi selepas gerhana, serta dilarang menggunakan benda tajam atau memasak. Di banyak tempat, masyarakat juga melakukan amalan perlindungan lain, seperti membuat bising dengan memukul periuk dan gendang untuk “menghalau” makhluk yang dikaitkan dengan gerhana, bersedekah makanan atau wang, mengadakan upacara bersama, atau menutup anak-

²³ Ahmad Ainul Yaqin and Fahmi Fatwa Rosyadi Satria Hamdani, “Hadis Gerhana Dan Wafatnya Ibrahim Ibn Muhammad,” *Tahkim (Jurnal Peradaban Dan Hukum Islam)* 1, no. 1 (2018), 61-63. <https://doi.org/10.29313/tahkim.v1i1.3349>.

²⁴ Ahmad Izzuddin et al., “Cultural Myth of Eclipse in a Central Javanese Village: Between Islamic Identity and Local Tradition,” *HTS Teologiese Studies / Theological Studies* 78, no. 4 (2022), 2. <https://doi.org/10.4102/hts.v78i4.7282>.

²⁵ “Socio-Cultural and Religious Narratives and Practices Regarding Lunar Eclipse in Village Communities: A Study of Central Punjab, Pakistan,” *FWU Journal of Social Sciences*, June 25, 2024, 36–45, <https://doi.org/10.51709/19951272/Summer2024/4>.

anak, wanita hamil, dan ternakan di dalam rumah sepanjang berlakunya gerhana.

Kajian terhadap pelajar universiti di Indonesia pula mendapati bahawa mitos gerhana masih dipercayai walaupun dalam kalangan golongan berpendidikan, cuma tidak sebanyak masyarakat umum.²⁶ Pendidikan tinggi membantu mengurangkan kepercayaan terhadap mitos ini, tetapi jarang dapat menghapuskannya sepenuhnya. Menariknya, ada juga pelajar yang cuba menggabungkan pengetahuan sains dengan kepercayaan budaya yang diwarisi, lalu membentuk penjelasan campuran. Dari sudut kesan sosial, kajian sejarah dan kajian semasa membuktikan bahawa gerhana tetap mempengaruhi kehidupan masyarakat²⁷. Antara kesannya termasuk terganggunya aktiviti ekonomi harian, timbul rasa takut dan cemas, wujudnya manipulasi politik yang dikaitkan dengan masa berlakunya gerhana, serta perhimpunan besar-besaran masyarakat untuk melakukan ritual perlindungan.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian *takhrij al-hadīth* bagi hadis fenomena gerhana, dapat disimpulkan bahawa fenomena gerhana matahari dan bulan bukan sekadar peristiwa astronomi yang boleh dijelaskan melalui ilmu falak semata-mata, tetapi turut mempunyai dimensi spiritual yang mendalam dalam Islam. Al-Quran dan hadis-hadis sahih menegaskan bahawa gerhana merupakan antara tanda kebesaran Allah SWT yang bertujuan mengingatkan manusia tentang kekuasaan-Nya serta mengajak mereka untuk kembali kepada-Nya dengan memperbanyakkan ibadah, doa, dan istighfar. Rasulullah SAW juga telah menunjukkan teladan melalui amalan solat sunat gerhana serta sikap keprihatinan terhadap fenomena alam ini.

²⁶ Nuria Haristiani et al., "Myths, Islamic View, and Science Concepts: The Constructed Education and Knowledge of Solar Eclipse in Indonesia," *Journal of Turkish Science Education* 14, no. 4 (2017): 35–47.

²⁷ K. Tennakone, "Historical and Social Aspects of Solar Eclipse Occurrences," *Sri Lanka Journal of Social Sciences* 41, no. 1 (2018): 25, <https://doi.org/10.4038/sljss.v41i1.7604>.

Dalam masa yang sama, analisis terhadap hadis-hadis *da'if* dan *mawdū'* menunjukkan pentingnya penelitian ulama dalam menapis riwayat yang sahih agar masyarakat tidak terjebak dengan ajaran dan tanggapan yang salah. Di samping itu, kewujudan mitos yang tersebar luas dalam kalangan masyarakat, baik pada zaman silam mahupun masa kini, memperlihatkan bahawa fenomena gerhana sering dikaitkan dengan kepercayaan tidak berlandaskan ilmu. Justeru, pendidikan berasaskan al-Quran, sunnah, dan sains moden perlu diperkukuh bagi membimbing masyarakat memahami hakikat sebenar gerhana, mengikis khurafat, serta menjadikan peristiwa ini sebagai medium penghayatan terhadap kekuasaan Allah SWT.

Dengan demikian, gerhana seharusnya dilihat bukan sebagai satu fenomena yang menimbulkan kerisauan atau mitos, tetapi sebagai peluang untuk meningkatkan keimanan, memperkukuh kefahaman agama, dan meneguhkan hubungan hamba dengan Allah SWT.

RUJUKAN

- Abū 'Abd Allāh, Muḥammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh, 1894.
- Abū 'Abd ar-Raḥmān Aḥmad bin Shu'ayb an-Nasā'ī, *As-Sunan al-Kubrā*, Beirut: Mu'assasah ar-Risālah, 2017.
- Abū al-Faḍl Aḥmad ibn 'Alī ibn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, Syria: Dār al-Rashīd, 1986,
- Abū al-Ḥusayn Muslim bin Al-Hajjāj bin Muslim Al-Qushayrī Al-Nisāburī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Türkiye: Dār al-Ṭibā'ah al-'Āmirah, 1916.
- 'Abd al-Raḥmān ibn Abī Bakr, Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *al-Faṭḥ al-Kabīr fī Ḍamm al-Ziyādah ilā al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, Beirut: Dār al-Fikr, 2012.
- Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, Beirut: Dār Ih'yā' al-Turāth al-'Arabī, 1972.
- al-Dāraqutnī, Abū al-Ḥasan 'Alī bin 'Umar, *Sunan al-Dāraqutnī*, Beirut: Mu'assasat al-Risālah.

- al-Dhahabī, Shams al-Dīn al-Dhahabī, *Mīzān al-ʿItidāl*, Beirut: Dār al-Maʿrifah li-Ṭ-Ṭibāʿah wa al-Nashr.
- Aḥmad bin Al-Ṣiddīq al-Ghumārī, *Al-Mughīr ʿAlā al-Aḥādīth al-Mawḍūʿah Fī al-Jāmiʿ al-Ṣaghīr*, Maktabah al-Qahirah.
- Jamāl al-Dīn ʿAbd al-Raḥmān ibn ʿAlī ibn Muḥammad al-Jawzī, *Al-Mawḍūʿāt li-Ibn al-Jawzī*, Al-Maktabah al-Salafiyyah bi-al-Madīnah al-Munawwarah.
- Muḥammad ʿAlī Ṭāhā al-Durra, *Tafsīr al-Qurʾān al-Karīm wa Iʿrābuhu wa Bayānuhu*, Damsyik: Dar Ibn Kathir, 2009.
- Muhammad bin Mukarram bin ʿAlī, Abu al-Faḍl Jamāl al-Dīn Ibn Manẓūr al-Anṣārī, *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dār Ṣādir, 1993
- Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Daʿīf al-Jāmiʿ al-Ṣaghīr*, (al-Maktab al-Islāmī)
- Shams al-Dīn Ibn al-Muḥibb al-Ṣāmit, *Ṣifāt Rabb al-ʿĀlamīn, Al-Taḥqīq Ṣaqr ibn Ḥasan al-Ghāmīdī*, Makkah al-Mukarramah: Fakulti Uṣūl al-Dīn, Universiti Umm al-Qurā, 2014
- Wahbah bin Muṣṭafā al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, Damsyik: Dār al-Fikr, 1997.
- Haristiani, Nuria, Tutin Aryanti, Asep Bayu Dani Nandiyanto, and Desri Sofiani. "Myths, Islamic View, and Science Concepts: The Constructed Education and Knowledge of Solar Eclipse in Indonesia." *Journal of Turkish Science Education* 14, no. 4 (2017): 35–47.
- Izzuddin, Ahmad, Mohamad A. Imroni, Ali Imron, and Mahsun Mahsun. "Cultural Myth of Eclipse in a Central Javanese Village: Between Islamic Identity and Local Tradition." *HTS Theologiese Studies / Theological Studies* 78, no. 4 (2022). <https://doi.org/10.4102/hts.v78i4.7282>.
- "Socio-Cultural and Religious Narratives and Practices Regarding Lunar Eclipse in Village Communities: A Study of Central Punjab, Pakistan." *FWU Journal of Social Sciences*, June 25, 2024, 36–45. <https://doi.org/10.51709/19951272/Summer2024/4>.
- Tennakone, K. "Historical and Social Aspects of Solar Eclipse Occurrences." *Sri Lanka Journal of Social Sciences* 41, no. 1 (2018): 25. <https://doi.org/10.4038/sljs.v41i1.7604>.

- Yaqin, Ahmad Ainul, and Fahmi Fatwa Rosyadi Satria Hamdani. "HADIS GERHANA DAN WAFATNYA IBRAHIM IBN MUHAMMAD." *Tahkim (Jurnal Peradaban Dan Hukum Islam)* 1, no. 1 (2018). <https://doi.org/10.29313/tahkim.v1i1.3349>.
- "Total Lunar Eclipse on 3 Mar 2026: Map & Times", Time and Date AS, diakses pada 27 September 2025, <https://www.timeanddate.com/eclipse/map/2026-march-3>.